

Headline	Tak duga gurauan ayah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	22	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	289 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,764
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,292



Seronok dapat tunai haji, mahu menetap di Mekah

Tak duga gurauan ayah

Oleh **AMIZUL TUNIZAR AHMAD TERMIZI**

pengarang@utusan.com.my

IPOH 23 Sept. - Anak jemaah haji Malaysia, Hashim Abdul Latif, 60, yang meninggal dunia di tanah suci Mekah kelmarin, tidak sangka gurauan bapanya yang mahu menetap terus di tanah suci merupakan petanda Allahyarham akan pergi buat selama-selamanya.

Hasnul Nizam, 32, yang merupakan anak lelaki tunggal Allahyarham berkata, sebelum berlepas ke tanah suci, bapanya begitu seronok dapat mengerjakan ibadat haji buat kali pertama dan sering berjenaka dengan anak-anak.

"Ayah ada beritahu mahu tinggal lama di sana dan tidak mahu balik ke Malaysia kerana pasti seronok di sana. Ayah juga selalu minta anak-anak doakan dia dapat jadi imam di Mekah.

"Saya tidak sangka ayah betul-betul terus tinggal di sana buat selama-lamanya," katanya ketika ditemui di rumahnya semasa menerima kunjungan Pengerusi Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim di sini hari ini.

Allahyarham Hashim yang ke tanah suci bersama isterinya, Rosnamsiati Mohd. Da-

han meninggal dunia akibat serangan jantung semasa menerima rawatan di klinik Maktab Rehab Al Janadriyah di Al Bisyarah Mawaddah di sini, pada jam 12 pagi waktu tempatan.

Jenazah Allahyarham diuruskan Tabung Haji dan dikebumikan di tanah perkuburan

Ma'la selepas solat zuhur kelmarin.

Menurut Hasnul Nizam, dia dimaklumkan mengenai kematian bapanya oleh Tabung Haji di Mekah pada pukul 8 pagi kelmarin.

"Mula-mula dapat berita itu, memanglah sedih tetapi saya reda dengan pemergian ayah. Saya juga telah bercakap dengan ibu dan dia tabah menghadapi ujian itu," katanya.

Hasnul Nizam berkata, kali terakhir dia berjumpa dengan bapanya semasa menghantar Allahyarham di Bangunan Tabung Haji di Kelana Jaya, Selangor, 10 September lalu.

Selain Hasnul Nizam, Allahyarham meninggalkan empat lagi anak iaitu Noorhasruliza, 34, Nor Hafizah, 34, Nor Alhana, 27, dan Nur Athirah Safiah, 13.



ABDUL Azeez Abdul Rahim (dua dari kanan) ditemani oleh **Hasrul Nizam** (kanan) memperkatakan sesuatu kepada keluarga Allahyarham Hashim Abdul Latif yang meninggal dunia di Mekah di Kampung Rapat Jaya, Ipoh, Perak, semalam.